

TUJUH BAHAYA UTAMA NIKOTIN DI DALAM ROKOK ELEKTRONIK (VAPE)

Nikotin menyebabkan ketagihan sama seperti ketagihan kepada heroin dan kokain

Nikotin menyebabkan hati mengeluarkan glukosa dan adrenalin yang merangsang

Nikotin mampu meningkatkan tekanan darah dan kadar degupan jantung

Pengambilan nikotin dalam jumlah tinggi (30mg-60mg) mampu mengakibatkan kematian kepada manusia dewasa

Boleh menjadi punca kanser, penyakit jantung dan kerosakan paru-paru

Membahayakan kesihatan wanita hamil dan janin yang ada dalam kandungannya

Pakar jantung University of California, Los Angeles (UCLA) di Amerika Syarikat (AS) Dr Holly Middlekauff mengesahkan nikotin vape berpotensi meningkatkan risiko serangan jantung dan kematian mendadak

KESAN VAPE

Otak

Tahap dopamin meningkat berikutan nikotin memasuki otak

Mulut


Segelintir pengguna akan mengalami kekeringan pada mulut, kegatalan tekak dan batuk

Paru-paru

Nanopartikel daripada wap berkemungkinan tertanam di dalam jantung sehingga boleh menyebabkan keradangan dan meningkatkan risiko jangkitan

Jantung

Cecair di dalam nikotin meningkatkan degupan jantung dan tekanan darah



JENIS-JENIS VAPE YANG BERADA DI PASARAN

Jenis pen yang dianggap vape terkecil dengan kombinasi cartridge dan atomizer

Jenis portable mudah dibawa yang mempunyai daya tahan bateri lebih lama

Jenis desktop yang biasanya hanya digunakan di rumah atau lokasi tetap dengan pengeluaran wap lebih banyak



ANTARA perisa vape yang dikesan KKM mengandungi nikotin.

Pengakuan pelajar

Kajang: Tidak berbau seperti rokok, malah kelihatan lebih bergaya. Itu antara punca remaja kini beralih menjadikan rokok elektronik atau vape bagi menggantikan rokok.

keluarkan belanja RM15 untuk tukar katrij tapi ia bergantung pada kegunaan juga. Ada kalanya satu katrij boleh tahan lebih dua minggu," katanya kepada Harian Metro.

menyempurnakan cecair perisa vape mengandungi nikotin adalah satu kesalahan.

“Sebarang penjualan, pembekalan, pengilangan dan pengimportan cecair vape mengandungi nikotin boleh didenda tidak lebih RM3,000 atau penjara tidak lebih setahun atau keduanya sekali.

“Pihak KKM memulakan siasatan ini sejak tiga bulan lalu selepas mendapat maklumat kandungan nikotin dicampur di dalam *flavour* vape. Ini jauh lebih berbahaya dan boleh memberi kesan lebih buruk kepada kesihatan,” katanya.

Menurutnya, isu ini tambah membimbangkan apabila vape turut menjadi kegilaan pelajar sekolah dan golongan belia yang beranggapan menghisapnya lebih bergaya serta mengikut aliran semasa.

“Ini jelas lari daripada konsep asal apabila rokok elektronik (eCig) didakwa boleh mengurangkan ketagihan dan kebergantungan kepada rokok.

“Siasatan dilakukan mendapati berlaku



CECAIR nikotin di dalam vape yang diharamkan KKM.

penyeludupan nikotin dalam bentuk pepejal atau serbuk dari luar negara oleh pengusaha vape berikutan nikotin diharamkan untuk dijual di dalam negara,” katanya.

Dia berkata, nikotin dalam bentuk pepejal dilarutkan dan dicampur dengan pelbagai perisa vape serta dijual semurah RM10 sebotol.

“KKM sebelum ini mendefinisikan peranti elektronik yang mengandungi nikotin dirujuk sebagai rokok elektronik (eCig), sementara yang tidak mengandungi nikotin adalah dirujuk sebagai vape.

“Namun kini peniaga vape sengaja mencampurkan nikotin bagi meraih keuntungan besar daripada

pembeli termasuk golongan remaja,” katanya.

Berdasarkan analisis dan ujian Makmal Toksikologi, Pusat Racun Negara sebelum ini, rokok elektronik atau vape mengandungi nikotin sehingga 4 miligram (mg) dalam 1 mililiter (ml) cecair. Ini bermakna setiap botol mengandungi 25 ml cecair rokok elektronik akan mengandungi sehingga 100 mg nikotin.

Menurutnya, berdasarkan ujian makmal, cecair perisa atau *flavour* vape dihasilkan dari empat bahan utama iaitu nikotin, Propylene Glycol (PG), Vegetable Glycerin dan bahan perisa serta pewarna.

“Kandungan nikotin yang tinggi digunakan bukan hanya menyebabkan ketagihan, malah boleh menyebabkan gangguan pada perut dan usus, sawan dan kegagalan pernafasan hingga boleh membawa maut.

“Manakala Propylene Glycol (PG) boleh menyebabkan penyakit asma dan iritasi kepada sistem pernafasan seseorang selain punca penyakit kanser,” katanya.

Walaupun perlu mengeluarkan perbelanjaan mencecah RM100 untuk mendapatkan kit permulaan vape, itu tidak menjadi masalah kepada golongan ini yang mengakui tidak mahu ketinggalan dengan trend terkini masyarakat.

Remaja lelaki berusia 15 tahun yang ditemui hasil tinjauan wartawan Harian Metro sejak semalam mengakui sudah mula menghisap vape sejak awal tahun ini selepas tertarik dengan rakan seusianya selain promosi hangat peniaga di laman sosial dan platform e-dagang.

Beliau yang juga pelajar sebuah sekolah menengah di daerah ini mengakui perlu membelanjakan RM15 seminggu untuk membeli katrij, manakala RM20 hingga RM40 sebulan untuk mendapatkan cecair perisa jenis *salt nic*.

“Saya hisap vape sebab terpengaruh dengan rakan sekolah tambahan pula kini sudah jadi trend remaja. Kalau hisap vape baju tidak susah nak kantoj dengan keluarga atau guru.

“Untuk seminggu saya

Menurutnya, walaupun sukar untuk dikesan beliau tidak akan menghisap di dalam kawasan sekolah atau di dalam rumah kerana bimbang peralatan vape akan dirampas memandangkan modal yang agak besar perlu dikeluarkan untuk memilikinya.

Katanya, tidak sukar untuk mendapatkan bekalan katrij mahu pun cecair perisa kerana kebanyakan kedai masih menjualnya tanpa bertanya umur pembeli.

“Saya tidak sukar untuk beli katrij dan cecair perisa kerana peniaga tidak kisah tentang umur. Cuma sesekali ada yang bertanya tapi itu tidak jadi masalah kerana saya katakan barang dibeli dikirim ahli keluarga atau rakan yang lebih berusia.

“Kami juga tidak bergantung sepenuhnya membeli keperluan vape di kedai sebab platform e-dagang juga menjual item yang sama, malah lebih mudah tanya perlu banyak soal. Selepas bayaran dibuat hanya perlu tunggu beberapa hari untuk diposkan,” katanya.